Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies
52(1)(2025): 135-161
https://doi.org/10.17576/jebat.2025.5201.07

Pembangunan Sektor Pertanian dan Penternakan di Bukit Larut Pada Zaman Pemerintahan Kolonial Pada Akhir Abad Ke-19 Hingga 1948

Development of Agriculture and Animal Husbandry In Bukit Larut During The Colonial Rule At The End of The 19th Century To 1948

SITI ZAHRAH MAHFOOD[1]*, SHARAN SYAHMI SHARIF[1],
WAN NOOLIZAWATI WAN MAT ALI[1] & ZURAINI JAMIL@OSMAN[2]
[1]Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
[2]Jabatan Moral dan Pembangunan Karater, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia.
Corresponding author: zahrah@fsk.upsi.edu.my

Received: 03 January 2024 Accepted : 13 March 2025

Abstrak

Artikel ini mengkaji perkembangan ekonomi Maxwell's Hill yang turut dikenali sebagai Bukit Larut di Perak iaitu salah sebuah stesen bukit yang terawal dibangunkan oleh pihak British. Pada peringkat awal, projek pembangunan stesen bukit ini dijalankan hanyalah sebagai pusat sanatorium bagi kelompok pegawai British yang berkhidmat di Tanah Melayu pada ketika itu. Perubahan yang mempengaruhi pembangunan Bukit Larut yang semakin berkembang turut dipengaruhi oleh fungsi Bukit Larut daripada pusat sanatorium kepada sebuah pusat pelancongan. Perkembangan ini mewujudkan peluang interaksi antara masyarakat Eropah yang berada di Tanah Melayu. Perubahan yang berlaku dalam konteks fungsi Bukit Larut tersebut adalah ekoran daripada projek pembangunan yang dijalankan di stesen bukit yang secara langsung telah mendorong kepada kemajuan sektor ekonomi bagi memenuhi tuntutan kelompok tersebut. Perincian kajian ini akan membincangkan berkaitan sektor ekonomi yang merangkumi kegiatan pertanian melibatkan sayuran dan buah-buahan, pertanian tanaman dekorasi, kegiatan peternakan dan tenusu berserta dengan segala usaha yang dilakukan bagi memastikan kesemua sektor ekonomi ini dapat memberikan pulangan kepada stesen bukit tersebut. Sehubungan itu, kajian ini telah menggunakan rekod pentadbiran kerajaan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, rekod kolonial, dan akhbar sebagai sumber primer bagi membuktikan kesahihan fakta kajian ini dan disokong oleh sumber sekunder iaitu karya yang telah diterbitkan dan diperoleh melalui kaedah kepustakaan seperti Perpustakaan Tunku Bainun UPSI, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Univerisiti Malaya dan Perpustakaan Zaaba, Universiti Malaya untuk menyokong fakta tersebut. Berdasarkan hasil penelitian yang dilakukan, didapati bahawa sektor ekonomi pertanian dan penternakan yang dibangunkan di Bukit Larut sepanjang tempoh pemerintahan British sejak penghujung kurun ke-19 telah berkembang dan mengalami peningkatan serta penurunan dalam pengeluaran hasil.

Kata kunci: Bukit Larut; Maxwell's Hill; Stesen Bukit; Bandar Taiping; Pelancongan Perak

Abstract

This article examines the economic development of Maxwell's Hill or also known as Bukit Larut in Perak which is one of the earliest hill stations developed by the British. In the early stages, the hill station development project was carried out only as a sanatorium center for a group of British officers serving in Malaya at that time. The changes that affect the growing development of Bukit Larut are also influenced by the function of Bukit Larut from a sanatorium centre to a tourist centre. This development created opportunities for interaction between the European community in Malaya. The changes that occurred in the context of the function of Bukit Larut are due to development projects carried out at the hill station which have directly led to the economic sector's progress to meet the cluster's demands. The details of this study will discuss the economic sectors which include agricultural activities involving vegetables and fruits, ornamental crop farming, livestock and dairy activities along with all efforts made to ensure that all these economic sectors can provide returns to the hill station. In this regard, this study has used the administrative records of the Federated Malay States, colonial records, and newspapers as primary sources to prove the validity of the facts of this study and is supported by secondary sources, namely works that have been published and obtained through the literature method such as the Tunku Bainun UPSI Library, the Tun Sri Lanang Library, Universiti Kebangsaan Malaysia, the University of Malaya Library and the Zaaba Library, University of Malaya to support the fact. Based on the results of the research conducted, it was found that the agricultural and livestock economic sectors developed in Bukit Larut during the period of British rule since the end of the 19th century has grown and experienced an increase and decrease in yield production.

Keywords: Bukit Larut; Maxwell's Hill, Hill Station; Taiping Town; Perak Tourism

Pengenalan

Pembangunan sektor pertanian dan penternakan di Bukit Larut pada akhir abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20 merupakan salah satu aspek penting dalam sejarah ekonomi Tanah Melayu di bawah pemerintahan kolonial British. Bukit Larut yang terletak di Perak, bukan sahaja terkenal sebagai stesen bukit yang beriklim sejuk tetapi juga mempunyai tanah yang subur. Hal ini menyebabkan kolonial British telah memajukan Bukit Larut sebagai kawasan pertanian dan penternakan moden bagi mencerminkan transformasi ekonomi yang dibawa oleh pentadbiran kolonial.

Maxwell's Hill atau Bukit Larut merupakan salah sebuah stesen bukit yang terawal dibangunkan pada tahun 1880-an sempena nama Pembantu Residen British iaitu William Edward Maxwell. Pembangunan stesen bukit ini pada awalnya bertujuan menjadi pusat sanatorium bagi kelompok pegawai British yang berkhidmat di Tanah Melayu sebelum berkembang menjadi sebuah pusat pelancongan bagi kegunaan masyarakat Eropah khasnya dalam kalangan para pegawai, tentera, mubaligh, penjawat awam sehinggalah kepada komuniti Eropah lain. Walaupun rekod berkenaan pelancong dan masyarakat di Bukit Larut agak terhad, namun perkara ini dapat dilihat melalui sumbangan dan peranan mereka berdasarkan jumlah hasil pemerolehan bagi sektor pertanian dan penternakan.

Pertambahan masyarakat Eropah ini secara tidak langsung menunjukkan wujudnya perkembangan dalam konteks fungsi Bukit Larut sebagai sebuah pusat pelancongan yang memberikan ruang interaksi dalam kalangan masyarakat Eropah. Perubahan fungsi Bukit Larut adalah ekoran daripada pembangunan yang dijalankan di stesen bukit ini yang telah mendorong kepada kemunculan sektor ekonomi pertanian dan penternakan bagi memenuhi tuntutan bekalan makanan kepada

masyarakat Eropah yang tinggal sementara dan yang melawat kawasan ini. Disebabkan perkara tersebut, telah memperlihatkan Bukit Larut mempunyai landskap yang berbeza dan bercirikan 'Eropah.'

Oleh itu, tujuan utama penulisan ini adalah untuk membincangkan secara terperinci mengenai perkembangan sektor pertanian dan penternakan yang terdapat di Bukit Larut semasa pemerintahan kolonial British pada akhir abad ke-19 sehingga pertengahan abad ke-20. Berdasarkan penelitian yang dilakukan, sektor ekonomi yang dapat dikenalpasti di kawasan ini adalah merangkumi sektor pertanian sayuran dan buah, pertanian dekorasi, sektor penternakan dan sektor tenusu. Terdapat pelbagai usaha yang telah dilakukan bagi memastikan kesemua sektor ekonomi tersebut dapat memberikan pulangan yang lumayan kepada stesen bukit ini.

Sektor Ekonomi di Bukit Larut

Kecenderungan kajian yang melibatkan sektor ekonomi pada zaman pemerintahan British di Tanah Melayu seringkali menjadi tumpuan bagi golongan sejarawan di dalam mahupun luar negara. Antara sektor ekonomi yang popular dan menjadi pilihan bagi ahli sejarah untuk dibincangkan adalah ekonomi yang melibatkan perdagangan, perlombongan bijih timah dan penanaman getah serta pertanian di kawasan tertentu yang mempunyai kemudahan infrastruktur dan pengangkutan yang lengkap bagi mengangkat hasil ke pelabuhan untuk diperdagangkan. Perkara ini berbeza dengan sektor ekonomi di Bukit Larut yang mengkhususkan kepada pertanian berorientasikan tanaman baharu iaitu tanaman yang diperkenalkan di Tanah Melayu dan biji benih atau anak pokok tanaman yang dibawa dari Eropah. Tujuan tanaman tersebut diperkenalkan di Tanah Melayu khususnya di stesen Bukit Larut adalah kerana potensi ekonomi yang memberangsangkan yang melibatkan pengguna asal dan penggemarnya dalam kalangan masyarakat Eropah yang bekerja di Tanah Melayu. Selain itu, penternakan lembu baka baharu yang diimport dari Australia dan India juga turut diperkenalkan disebabkan kelebihannya dari segi saiz, kualiti daging dan susu yang dihasilkan memberikan pulangan yang lebih besar.

Pengenalan terhadap sektor ekonomi baharu yang bercirikan Eropah ini dilihat sesuai kerana ianya bertepatan dengan fungsi Bukit Larut sebagai pusat interaksi bagi masyarakat Eropah. Masyarakat Eropah yang tinggal sementara di Tanah Melayu merupakan pengguna utama bagi barangan dan perkhidmatan yang dihasilkan daripada sektor ekonomi di Bukit Larut. Oleh itu, pertambahan penduduk Eropah di Tanah Melayu terutamanya di Taiping dan Bukit Larut, telah membawa kepada berlakunya perkembangan dalam kegiatan ekonomi Bukit Larut. Keseimbangan antara permintaan yang tinggi dan berkemampuan untuk membeli produk yang segar dalam kalangan komuniti Eropah telah merancakkan lagi kegiatan sektor ekonomi kawasan ini. Hal ini dapat dikaitkan dengan perkembangan pembangunan yang dilakukan bagi memastikan hasil yang berkualiti dapat diperoleh daripada kegiatan ekonomi pertanian dan penternakan. Perkara ini dapat dijadikan petunjuk kepada permintaan yang tinggi dalam kalangan pengunjung khususnya masyarakat Eropah. Hal ini dibuktikan berdasarkan Jadual 1 yang menunjukkan data rekod pengunjung di Bukit Larut melalui laporan kerajaan data bilangan pengunjung melalui kelulusan permit dan penyewa banglo dan rumah rehat.

Jadual 1: Bilangan Pengunjung/Permit di Bukit Larut

Tahun	Bilangan Pengunjung/Permit
1909	Tea Gardens ditutup sejak Bulan Jun
1921	743 orang penyewa banglo

1922	931 orang penyewa banglo
	123 pengunjung
1923	940 orang penyewa banglo (937 Eropah)
	226 orang Asia di Tea Gardens
	223 pengunjung
1924	716 orang penyewa banglo Eropah
	356 Asia Tea Gardens
1925	131 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1926	148 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1927	145 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1928	184 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1929	178 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1930	155 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1931	222 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1932	208 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1933	175 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1934	116 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1935	149 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1936	170 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1937	182 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1938	148 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1939	237 permit dikeluarkan untuk menyewa banglo
1948	Daripada 5,816 orang
	3,029 orang Asia

Sumber: Federated Malay States Annual Report for 1909; Supplement to the FMS Government Gazette 1922, 1924, 1927, 1929, 1930, 1931, 1934; FMS Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the year 1934; 1935, 1936, 1937, 1939; Federation of Malaya Annual Report of the Social and Economic Progress of the People of Perak; Minutes of Meeting of the Hill Gardens Committee 13th March 1952 (1952-53 Hill Garden 1364-1952).

Produk pertanian di Bukit Larut mampu memenuhi permintaan masyarakat Eropah melalui penyediaan pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan seperti yang terdapat di negara asal mereka. Tambahan pula, rekod British ada menjelaskan bahawa pelawat yang ingin mendapatkan sayur-sayuran segar yang ditanam di Bukit Larut boleh terus menghubungi pejabat *Superintendents* untuk mendapatkan bekalan tersebut.[1] Perkhidmatan yang diberikan ini dapat memudahkan para pengguna bagi mendapatkan hasil pertanian yang segar dan berkualiti. Perkara ini turut dapat dilihat melalui pengalaman salah seorang pengguna hasil pengeluaran di Bukit Larut iaitu Katherine Sim, yang juga merupakan seorang pelancong dari Eropah yang datang berkunjung ke Bukit Larut pada tahun 1946 telah menceritakan mengenai sayur-sayuran dan buah-buahan segar yang terdapat di Bukit Larut.[2] Berdasarkan penulisan Sim, didapati bahawa makanan yang terdapat di Bukit Larut adalah lebih baik

untuk kesihatan orang Eropah berbanding dengan makanan yang dapat diperolehi di kawasan tanah rendah. Hal ini membuktikan bahawa sayur-sayuran dan buah-buahan yang ditanam di Bukit Larut mempunyai kualiti dan berkhasiat bagi para pengunjung terutamanya bagi masyarakat Eropah. Oleh sebab itu, kerajaan telah melakukan pelaburan di Bukit Larut sepanjang tempoh ini dengan membina fasiliti kemudahan di Bukit Larut. Hal ini demikian kerana, kerajaan berharap melalui pelaburan tersebut dapat membantu merangsangkan lagi kegiatan ekonomi di Bukit Larut.

Selain para pengunjung, terdapat juga masyarakat Eropah yang tinggal di kawasan Bukit Larut turut menjadi penyumbang kepada permintaan hasil pertanian dan penternakan. Walaupun tiada data khusus mengenai jumlah penduduk Eropah di Bukit Larut, namun terdapat penjelasan tentang masyarakat Eropah yang tinggal di stesen bukit ini, misalnya *superintendent* dan pekerja lain yang bermastautin di Bukit Larut bersama keluarga mereka. Hal ini dibuktikan dengan adanya pembinaan kuarters untuk *superintendent*, agensi pos, berek tentera dan kuarters pekerja lain seperti polis dan staf pengurusan yang ditugaskan di Bukit Larut. Peranan *superintendent* adalah sangat penting bagi mengawal serta memantau segala aktiviti yang melibatkan pembangunan di Bukit Larut. Oleh itu kuarters kediaman *Superintendent* telah disediakan di banglo Watson bagi kemudahan beliau.[3] Kewujudan kakitangan lain yang mendiami kawasan ini pula, dapat dilihat melalui rekod di dalam dokumen rasmi yang menyentuh berkaitan pihak tersebut seperti pihak polis,[4] kakitangan hospital Bukit Larut,[5] pekerja banglo seperti tukang masak, tukang air dan penjaga banglo,[6] serta pekerja syarikat telekomunikasi.[7] Selain itu, Butcher dalam kajiannya turut menyatakan bahawa terdapat *hill school* yang disediakan untuk anak-anak komuniti Eropah mendapatkan pendidikan awal mereka di kawasan stesen bukit.[8] Malah terdapat pekerja yang bekerja sebagai buruh bagi membantu di kawasan pertanian, penternakan dan kawasan penginapan banglo yang dibina untuk para pelawat yang datang bermalam di Bukit Larut. Penglibatan buruh di Bukit Larut menjadikan mereka sebagai tenaga kerja yang mahir bagi menjamin kelangsungan produktiviti dalam sektor berkenaan. Oleh itu, bagi menampung jumlah buruh yang ramai di Bukit Larut, pihak pengurusan telah mengambil inisiatif untuk membangunkan kediaman bagi golongan buruh yang bekerja di kawasan Bukit Larut. Hal ini memperlihatkan bahawa peranan kerajaan bukan sahaja tertumpu kepada kemajuan sektor ekonomi Bukit Larut tetapi mereka juga turut prihatin terhadap kebajikan para buruh yang merupakan tenaga kerja dalam sektor ekonomi Bukit Larut. Perkara ini dapat dilihat pada 8 April 1893 ketika satu tender telah dicadangkan untuk pembinaan *Coolies Line*.[9] Berdasarkan catatan dalam *Supplement to the FMS Government Gazette,* pada tahun 1930 seramai 130 orang jumlah buruh yang dicatatkan telah meningkat kepada 132 orang (1931) manakala mengalami penurun kepada 98 orang pada 1932. Jumlah tersebut meningkat dan kekal pada 103 orang bagi tahun 1933 dan 1934 juga mengalami penurunan semula kepada 99 orang (1935) sebelum meningkat kepada 102 orang untuk tahun 1936 dan 1937. Pada tahun 1955 pula, jumlah keseluruhan buruh di Bukit Larut mencatatkan seramai 125 orang.[10]

Sektor pertanian di Bukit Larut telah menyumbang kepada penjanaan ekonomi tempatan di Bukit Larut dan sebagai simbolik kepada bahagian yang penting dalam warisan dan budaya. Para petani di Bukit Larut menghasilkan buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga berkualiti tinggi yang kemudiannya dijual di pasar dan restoran tempatan. Iklim dan lokasi yang unik di tempat ini menjadikannya sesuai untuk menanam pelbagai buah-buahan, sayur-sayuran dan bunga yang kebanyakan benihnya dibawa dari Eropah. Hal ini dapat dibuktikan melalui data yang diubah suai ke dalam Jadual 2 yang menunjukkan jumlah pemerolehan pendapatan Bukit Larut mengikut tahun tertentu. Berdasarkan daripada peningkatan sektor ekonomi di Bukit Larut memperlihatkan bahawa ianya berpotensi untuk terus berkembang dan melalui sokongan yang berterusan tentunya dapat menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi sekaligus dapat menjadi warisan budaya yang terpelihara di Bukit Larut.

Jadual 2: Hasil Pemerolehan Ekonomi Bukit

Tahun	Jumlah Pemerolehan Bukit Larut ($)
1896	$1,321.28
1897	$1,353.20
1898	$1,477.44
1899	$1,399.56
1900	$1,674.54
1901	$1,769.23
1902	$1,769.00
1903	$1,484.84
1904	$1,703.41
1905	$2,087.20
1906	$2,351.40
1907	$2,688.67
1908	$2,270.77
1909	$2,553.18
1910	$2,588.04
1911	$1,875.25
1912	$2,719.92
1913	$2,668.07
1918	$4,004.00
1927	*$3,046 (sayur); $2,208(bunga)
1928	*$5,133.00 (sayur); $2,175.00(bunga)
1929	$10,978.00
1930	$7,524.00
1931	$6,642
1932	$6,501
1933	$13,441.00
1934	$11,714
1935	$12,304.22
1936	$10,841.63
1938	$9,9991.39
1939	$13,027.42
1947	$9,547.92
1948	$10,621.03

Sumber: Diperoleh dan diubahsuai daripada Perak Government Gazette 1898, 1901; Supplement to the Perak Government Gazette 1903, 1906, 1905, 1909; Supplement to the F.M.S Government Gazette 1910, 1912, 1914, 1916, 1919, 1929, 1931, 1934; Minutes of Meeting of the Hill Gardens Committee 13th March 1952; Federated Malay States Annual Report for 1905, 1908; Annual Report of the Social and Economic Progress of The People of Perak 1934; 1935; 1936;1937; 1939 & 1948.

* Jumlah jualan sayuran dan bunga (data tenusu dikecualikan).

Jadual 2 menunjukkan jumlah pemerolehan Bukit Larut sejak tahun 1896 sekurang-kurangnya sehingga tahun 1948. Merujuk kepada data diatas, rekod *Perak Government Gazette 1901* menunjukkan bahawa berlaku peningkatan dan penurunan hasil pendapatan setiap tahun bagi susu, sayur-sayuran dan tanaman di Bukit Larut iaitu sebanyak $1,321.28 (1896), $1,353.20 (1897), $1,477.44 (1898) dan $1,399 (1899).[11] Rekod hasil pemerolehan tersebut juga dilaporkan di *Supplement to the Perak Government Gazette 1905* yang mencatatkan jumlah kutipan sebanyak $1,674.54 (1900), $1,769.23

(1901), $1,769.00 (1902) dan $1,484.84 (1903).[12] Angka kutipan pada tahun 1903 berkurangan akibat hujan lebat yang memberi pengaruh kepada sektor pertanian menyebabkan bekalan sayur-sayuran tidak mencapai jumlah biasa.[13] Manakala pada tahun berikutnya, hasil pemerolehan menunjukkan corak peningkatan dalam jumlah kutipan tahunan iaitu sebanyak $1,703.41 (1904), diikuti dengan data hasil pengeluaran yang direkodkan dalam catatan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu tentang negeri Perak iaitu Laporan Ladang Kerajaan bagi Tahun 1908 yang menunjukkan jumlah peningkatan kepada $2,087.20 (1905), $2,351.40 (1906), $2,688.67 (1907).[14] Data tersebut menunjukkan jumlah perolehan yang meningkatkan daripada $1,321.28 pada tahun 1896 kepada $2,688.67 pada tahun 1907.[15] Manakala diikuti pada lima tahun berikutnya menunjukkan pendapatan yang lebih rendah berbanding 1907. Jumlah tersebut kemudiannya terus meningkat pada tahun 1918 sehinggalah tahun 1948. Jumlah yang tertinggi direkodkan di dalam pendapatan Bukit Larut bagi keseluruhan sektor ekonomi adalah pada tahun 1933 dengan nilai $13,441.00. Walaupun pendapatan Bukit Larut tidak mengalami peningkatan setiap tahun namun dapat dilihat bahawa hanya beberapa tahun sahaja mengalami kerugian di atas faktor tertentu khususnya faktor cuaca. Ini membuktikan bahawa perkembangan sektor ekonomi di Bukit Larut, khususnya dalam sektor pertanian dan penternakan, adalah didorong oleh penambahbaikan yang telah dilakukan terhadap kualiti produk yang dihasilkan. Namun begitu, rekod pendapatan sepanjang tempoh Perang Dunia Kedua tidak dapat dipaparkan kerana ketiadaan data yang direkod bagi membuktikan angka pendapatan di stesen bukit ini.

Maka berdasarkan data yang diperolehi daripada rekod laporan tahunan ini dapat ditunjukkan bahawa pertumbuhan ekonomi Bukit Larut dari tahun 1896 sehingga 1948 adalah hasil daripada gabungan dinamik beberapa faktor seperti pertumbuhan populasi masyarakat Eropah, kepelbagaian sektor ekonomi dan pelaburan yang strategik oleh kerajaan kolonial. Kehadiran masyarakat Eropah yang kian meningkat secara langsung telah meningkatkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan tempatan, sementara melalui kepelbagaian sektor ekonomi telah menyumbang kepada kestabilan dan kemampanan ekonomi di kawasan ini. Selain itu, pelaburan kerajaan dalam menyediakan fasiliti kemudahan awam telah mempercepatkan lagi pembangunan dan menarik lebih ramai pengunjung untuk datang ke Bukit Larut. Gabungan daripada faktor-faktor ini telah memperlihatkan hubungkait interaksi antara manusia, kepelbagaian ekonomi dan polisi kerajaan telah memberikan impak yang tinggi terhadap kawasan tersebut.

Sektor Pertanian Sayuran dan Buah

Bagi mencerminkan budaya masyarakat Eropah, pembangunan Bukit Larut bukan sahaja dapat dilihat dari segi persekitaran stesen bukit ini malah turut dapat dikesan melalui pembangunan sektor ekonomi pertanian berteraskan tanaman hawa sederhana. Pembangunan sektor pertanian bercorak tanaman musim sejuk ditunjukkan melalui jenis sayuran dan buah-buahan. Hal ini dapat dikaitkan dengan pengeluaran yang berskala sederhana besar di stesen bukit ini yang menjadikannya sebagai salah satu hasil ekonomi yang dapat dikomersialkan terutama sekali di kawasan yang berdekatan seperti bandar Taiping. Pembangunan sektor ini adalah seiring dengan usaha bagi memenuhi keperluan dan citarasa masyarakat Eropah yang menginginkan suasana dan diet pemakanan sepertimana yang terdapat di tanah air mereka walaupun berada di kawasan iklim tropika.

Pada peringkat awal, pembangunan pertanian di Bukit Larut ini dimulakan dengan eksperimen dan percubaan tanaman baharu. Eksperimen pertama yang dilakukan adalah di kawasan sekitar banglo *Tea Gardens* iaitu eksperimen pertanian teh jenis Assam.[16] Eksperimen ini telah dijalankan di bawah kelolaan Sir Wray dan Sir H.C. Cottam sekaligus mendorong kepada peningkatan populariti Maxwell Hill sebagai "Larut Experimental Garden" sehinggalah tahun 1945.[17] Walau bagaimanapun, eksperimen tersebut dihentikan kerana penanaman teh jenis Assam yang telah diuji di Ceylon tersebut

kurang sesuai untuk ditanam di Bukit Larut. Berdasarkan maklumat dalam *Malayan Agriculture* oleh Jabatan Pertanian Negeri-negeri Melayu Bersekutu dan Negeri Selat menyatakan bahawa setelah eksperimen ke atas tanaman Eropah yang dijalankan di India dan Ceylon berjaya, biji benih dan anak pokok teh jenis Assam tersebut dibawa dan diperkenalkan di Tanah Melayu.[18]

Tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang merupakan tanaman baharu dipengaruhi oleh keadaan bentuk muka bumi dan persekitaran di Bukit Larut. Keadaan bentuk muka bumi dan persekitaran Bukit Larut yang sesuai dan beriklim sejuk dapat menampung pertumbuhan tanaman daripada jenis yang bersuhu sederhana. Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan rekod kerajaan British yang menyatakan bahawa kebanyakan tumbuhan Eropah boleh ditanam dalam keadaan baik iaitu pada ketinggian 2,000 kaki ke atas.[19] Keadaan ini menepati ciri rupa bentuk kawasan Bukit Larut yang mempunyai ketinggian 4,500 kaki dari aras laut. Oleh itu, keadaan iklim dan persekitaran Bukit Larut sememangnya sesuai untuk ditanam dengan pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan yang dibawa dari Eropah.[20] Hal ini demikian kerana berdasarkan eksperimen yang dijalankan, iklim yang lebih sejuk dan kedudukan di altitud yang lebih tinggi sesuai untuk tanaman seperti kacang perancis, lobak, kubis, *beetroot*, *celery*, *leeks*, kacang pea, turnip, tomato dan asparagus.[21] Berdasarkan catatan daripada *Report on Government Gardens for the Year 1897* pula, menjelaskan bahawa sesetengah sayur-sayuran, seperti bayam, lobak putih, kacang buncis, kacang pis, kentang dan labu air didapati membesar dengan baik pada musim kemarau atau pada waktu di mana jumlah hujan yang turun adalah lebih rendah.[22] Menerusi eksperimen juga, mendapati tanaman lain seperti kacang perancis dan kacang panjang, chayote atau labu siam, saderi, daun bawang, lada benggala, serta kubis didapati sukar untuk tumbuh pada musim kemarau. Terdapat juga tanaman yang gagal ditanam kerana tidak sesuai dengan persekitaran dan keadaan iklim di kawasan Bukit Larut contohnya seperti rhubarb, kubis kerinting, kubis bunga, brokoli dan ubi putih.[23]

Sayur-sayuran yang terdapat di Bukit Larut kebanyakannya merupakan sayuran yang digemari oleh masyarakat Eropah apatah lagi mereka sudah terbiasa dengan jenis sayur tersebut di negara asal mereka. Salah satu sayuran yang sangat popular ditanam di Bukit Larut ialah tomato daripada jenis *Cyphomandra betacea* yang berasal dari Brazil.[24] Walau bagaimanapun berdasarkan eksperimen yang dijalankan, terdapat cabaran untuk meneruskan penanaman tomato di Bukit Larut kerana berlaku kerosakan sayur tomato yang disebabkan oleh sejenis kulat dan kerosakan tersebut menjadi semakin teruk terutamanya semasa cuaca berkabus dan hujan. Pertumbuhan kulat merupakan masalah umum bagi tanaman pertanian di Bukit Larut, dan ianya sukar untuk dikawal.[25] Kesukaran menangani pertumbuhan kulat bagi tanaman pertanian dipengaruhi oleh faktor cuaca terutamanya semasa musim hujan kerana keadaan tanah yang lembab dan kabus tebal.[26]

Kepelbagaian sayur-sayuran yang ditanam di Bukit Larut ini turut dijelaskan dalam laporan *Perak Government Gazette 1902* yang menyatakan bahawa terdapat 23 jenis sayuran beriklim sejuk yang sesuai ditanam di kawasan Bukit Larut.[27] Antaranya adalah, taugeh, selada air, tomato, kacang perancis, kacang buncis, kacang, radishes, lobak merah, ubi bit, lobak putih, bawang kecil, kentang, salad, kobis, labu siam, daun bawang, timun, knol khol, labu air, lada benggala, jagung India dan asparagus. *Perak Annual Report* 1901 turut menjelaskan bahawa sayuran yang berjaya tumbuh subur di Bukit Larut telah dibahagikan mengikut unit bunch, *pound* dan per biji seperti mana yang ditunjukan dalam Jadual 3, Jadual 4 dan Jadual 5.[28]

Jadual 3: Hasil Pertanian Sayur-Sayuran Unit Bunch

Hasil pertanian	Tahun 1899 Jumlah kutipan (Bunch)	Tahun 1900 Jumlah kutipan (Bunch)	Tahun 1901 Jumlah kutipan (Bunch)
Taugeh	396	820	752
Selada Air	932	1,172	1,821

Sumber: Report on the Government Gardens for the Year 1901, *Perak Annual Report 1902,* hlm. 4.

Data dalam Jadual 3 menunjukkan hasil pertanian sayur-sayuran bagi tahun 1899, 1900, dan 1901 yang menunjukan hasil kutipan yang mengalami peningkatan dan penurunan dalam unit bunch. Terdapat dua jenis sayuran yang direkodkan iaitu taugeh dan selada air. Jumlah kutipan taugeh meningkat daripada 396 bunch (1899) kepada 752 (1901). Hal ini melibatkan peningkatan sebanyak 89%. Seterusnya, kutipan selada air turut meningkat daripada 932 (1899) kepada 1,821(1901) dan menunjukkan peningkatan sebanyak 96%. Berdasarkan data, dapat disimpulkan bahawa penanaman kedua-dua jenis sayuran tersebut berjaya meningkat secara konsisten dari tahun 1899, 1900, sehingga tahun 1901 iaitu sebanyak 94%. Peningkatan jumlah kutipan bagi kedua sayuran tersebut dalam tempoh tiga tahun disebabkan oleh beberapa faktor seperti keadaan cuaca yang sesuai, kaedah pertanian yang lebih sistematik dan peningkatan terhadap permintaan untuk sayur-sayuran tersebut. Selain itu, hasil pertanian bagi sayur-sayuran yang dikira dalam unit *pound(lbs)* dapat dilihat dalam Jadual 4 di bawah.

Jadual 4: Hasil Pertanian Sayur-Sayuran Dalam Unit Pound (lbs)

Jenis tanaman	Tahun 1899 Hasil kutipan (*Pound(lbs)*)	Tahun 1900 Hasil kutipan (*Pound(lbs)*)	Tahun 1901 Hasil kutipan (*Pound(lbs)*)
Tomato	1,086	1,221	2,087
Tamarillo	173	8	15
French Beans (kacang Perancis)	750	902	1,010
Runner Beans (Kacang Buncis)	631	649	440
Kacang	499	343	390
Radishes (Lobak)	176	316	357
Lobak Merah	455	423	847
Ubi Bit	148	110	798
Turnips (Lobak Putih)	18	-	141
Bawang Besar	96	94	85
Kentang	289	462	837

Sumber: Report on the Government Gardens for the Year 1901, *Perak Annual Report 1902,* hlm.4.

Data dalam Jadual 4 menunjukkan hasil pertanian sayuran bagi tahun 1899, 1900, dan 1901 dalam unit paun. Sebanyak sebelas jenis sayuran yang ditanam iaitu tomato, tamarillo, kacang perancis, kacang buncis, kacang, lobak, lobak merah, ubi bit, lobak putih dan bawang besar dan kentang.

Jumlah kutipan bagi sayuran tersebut secara keseluruhannya meningkat daripada 3,899 paun pada tahun 1899 kepada 6,204 paun pada tahun 1901. Peningkatan jumlah kutipan tersebut adalah disebabkan berlakunya peningkatan dari segi pengeluaran hasil bagi beberapa jenis sayuran seperti tomato, kacang perancis, lobak putih dan kentang. Buktinya, bagi jenis tanaman tomato, berlaku peningkatan daripada 1,086 paun kepada 2,087 paun bagi tahun 1899 dan tahun 1901. Pengumpulan kacang Perancis pula, meningkat daripada 750 paun kepada 1,010 paun. Seterusnya, kutipan lobak (Radishes) juga meningkat dari 176 paun (1899) kepada 357 paun (1901). Begitu juga, lobak putih dari 18 paun dan meningkat kepada 141 paun pada tahun 1901 malah peningkatan ini turut berlaku pada kutipan kentang yang bermula sebanyak 289 paun kepada 837 paun pada tahun 1901.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa jenis tanaman yang mengalami jumlah hasil yang tidak konsisten seperti jenis tanaman *tamarillo*, kacang buncis, kacang, lobak merah dan ubi bit. Antara tanaman yang mengalami peningkatan dan penurunan adalah kacang buncis yang mana pada tahun 1899 kutipannya adalah 631 paun dan meningkat kepada 649 paun pada tahun berikutnya namun merosot pada tahun 1901 kepada 440 paun. Manakala bagi jenis tanaman yang mengalami penurunan dan peningkatan adalah tanaman kacang iaitu merosot daripada 499 (1899) kepada 343 (1900) namun kemudiannya meningkat semula kepada 390 paun pada 1901. Jumlah hasil tanaman lobak merah juga tidak konsisten iaitu 455 paun pada tahun 1899 merosot kepada 423 (1900) namun meningkat semula kepada 847 (1901). Kutipan bagi ubi bit pada tahun 1899 pula adalah 148 paun merosot kepada 110 paun pada tahun berikutnya tetapi meningkat semula kepada 798 paun pada tahun 1901. Penurunan yang paling teruk sekali ditunjukkan oleh tanaman *tamarillo* daripada 173 paun kepada 8 paun kemudiannya meningkat sebanyak tujuh paun iaitu kepada 15 paun pada tahun 1901. Akhir sekali, sayuran yang mengalami kemerosotan bagi ketiga-tiga tahun tersebut adalah bawang besar iaitu 96 (1899), 94 (1900) kepada 85 paun (1901).

Secara keseluruhannya, data dalam Jadual 4 menunjukkan hasil pertanian sayur-sayuran di Bukit Larut mengalami perubahan dari tahun 1899 hingga 1901. Jumlah kutipan sayur-sayuran seperti tomato, kacang perancis, lobak, lobak putih dan kentang menunjukkan peningkatan sebanyak 91% daripada jumlah keseluruhan bagi tiap tahun. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa hasil kutipan beberapa sayuran yang mengalami kemerosotan. Seterusnya, terdapat juga hasil pertanian yang dikumpul dengan menggunakan unit per biji atau per batang seperti yang dilaporkan *Perak Annual Report* 1901 seperti dalam Jadual 5.[29]

Jadual 5: Hasil Pertanian Sayur-Sayuran Unit Biji/Batang

Jenis Tanaman	Jumlah kutipan 1899 (Sebiji/Batang)	Jumlah kutipan 1900 (Sebiji/Batang)	Jumlah kutipan 1901 (Sebiji/Batang)
Kobis	228	830	1,705
Chu-chu	2,247	2,644	3,828
Labu	220	357	464
Timun	2	-	363
Knol-Khol	1,542	2,121	3,998
Labu Air	1	37	195
Lada Benggala	4,397	3,020	3,701
Jagung India	508	392	216
Asparagus	508	342	190
Salad	7,857	12,947	11,184
Leeks	3,038	4,749	5,109

Sumber: Report on the Government Gardens for the Year 1901, *Perak Annual Report 1902,* hlm.4.

Data dalam Jadual 5 menunjukkan hasil pertanian sayur-sayuran setiap unit benih bagi tahun 1899, 1900, dan 1901. Sebanyak sebelas jenis sayur-sayuran yang ditanam iaitu kobis, chu-chu, labu, timun, knol-khol, labu air, lada benggala, jagung India, salad, leeks dan asparagus. Jumlah kutipan sayur-sayuran meningkat daripada 23,284 pada tahun 1899 kepada 31,988 pada tahun 1901. Peningkatan jumlah kutipan sayur-sayuran sebanyak 38% adalah disebabkan berlakunya pertambahan terhadap permintaan bagi kebanyakan sayur-sayuran. Antara sayuran yang meningkat adalah seperti kobis daripada 228 (1899) kepada 1,705 (1901), chu-chu 2,247 (1899) kepada 3,828 (1901), labu 220 (1899) kepada 464 (1901), knol-khol 1,542 (1899) kepada 3,998 (1901), labu air 1 (1899) kepada 195 (1901), salad 7,857 (1899) kepada 11,184 (1901) dan leeks 3,038 (1899) kepada 5,109 (1901). Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa hasil tanaman yang menurun misalnya kutipan lada benggala berkurangan daripada 4,397 (1899) kepada 3,701 (1901), jagung India 508 (1899) kepada 216 (1901) dan asparagus menurun daripada 508 (1899) kepada 190 (1901).

Manakala bagi sumber buah-buahan pula, mulberi adalah pilihan yang terbaik dan telah ditanam di Bukit Larut kerana proses penanamannya yang mudah dan tumbuhan tersebut dapat membesar dengan keadaan iklim yang pelbagai. Sumber vitamin dan mineral yang terkandung dalam buah mulberi, baik untuk tubuh manusia sehingga menjadikannya semakin popular sebagai makanan ringan manakala raspberi dan strawberi pula dijadikan sebagai tanaman eksperimen sebelum dipergiatkan penanamannya untuk menguji ketahanan dan kesesuaian tanaman tersebut terhadap keadaan iklim dan struktur muka bumi di kawasan Bukit Larut.[30] Eksperimen yang dijalankan tersebut adalah kerana wujudnya permintaan yang tinggi dalam kalangan pengguna terutamanya masyarakat Eropah kerana buah-buahan tersebut kebanyakanya ditanam di Eropah. Oleh hal yang demikian, usaha untuk meningkatkan kualiti hasil pengeluaran tanaman tersebut telah dipergiat demi mendapatkan keuntungan yang dapat menyumbang kepada pembangunan industri buah-buahan yang baharu di Bukit Larut.

Buah-buahan lain yang ditanam di Bukit Larut, seperti betik gunung (*carica candamarcensis*), oren (*citrus nobilis-vare*), zaitun (*elaeagnus longipes*, dan pisang kaki (*diospyros kaki)* yang dibawa masuk dari Jepun, semuanya sesuai dengan iklim dan keadaan di stesen bukit.[31] Buah-buahan ini juga popular dalam kalangan pengguna, maka penanaman bagi buah-buahan ini juga adalah cara yang baik untuk menjana pendapatan. Selain itu, penanaman buah ceri dan pir Jepun di Bukit Larut juga dijalankan dan menunjukkan pencapaian yang ketara.[32] Perkara ini membuktikan bahawa iklim dan keadaan di Bukit Larut sesuai untuk ditanam dengan pelbagai jenis buah-buahan termasuklah daripada jenis tanaman yang bukan berasal dari rantau yang sama. Secara keseluruhannya, rekod menunjukkan bahawa penanaman buah-buahan yang dijalankan di Bukit Larut merupakan antara sektor yang mengalami perkembangan yang pesat.

Menjelang akhir abad ke-19, sektor pertanian dan perladangan di Bukit Larut menjadi antara industri yang berkembang maju lantaran daripada pelbagai inisiatif yang diusahakan oleh pihak British di Tanah Melayu untuk memaksimumkan pendapatan ekonomi di kawasan Bukit Larut. Perkembangan sektor pertanian dan perladangan di Bukit Larut pada zaman pemerintahan British merupakan satu perubahan yang penting pernah berlaku dalam sejarah stesen bukit itu. Pengenalan terhadap tanaman dan teknologi baharu telah mendorong kepada perubahan dan perkembangan di Bukit Larut daripada sebuah hutan menjadi kawasan tapak pertanian komersial. Disebabkan kepentingan sektor ini maka timbul cadangan untuk tujuan penambahbaikan dari segi meningkatkan kualiti tumbesaran hasil pertanian dengan menggunakan campuran baja organik yang lebih baik.[33] Penggunaan baja organik yang dihasilkan daripada campuran najis lembu, *Bat Guano* atau najis kelawar merupakan kaedah baharu yang digunakan bagi meningkatkan lagi hasil tanaman pada akhir abad ke-19. Baja tersebut mengandungi sumber nitrogen, fosforus, dan kalium yang baik dan dapat

menjadi nutrien yang penting untuk proses tumbesaran tumbuhan. Produk baja tersebut diperolehi dari Padang Rengas, iaitu sebuah pekan yang berhampiran dengan kawasan pertanian sekaligus menjadikannya pilihan yang efektif untuk para petani di Bukit Larut.[34] Perkara ini jelas menunjukkan terdapat usaha bagi meningkatkan hasil pengeluaran pertanian di Bukit Larut dan disusuli dengan galakan bagi mempergiatkan lagi kegiatan eksperimen agar sektor ini terus dapat dikembangkan. Hal ini menunjukkan bahawa kerajaan komited untuk memajukan sektor pertanian di kawasan Bukit Larut.[35] Selain itu, galakan penanaman sayur-sayuran daripada jenis salad turut diberi perhatian khusus, sebagai bukti yang menunjukkan bahawa kerajaan menyedari akan wujudnya peningkatan terhadap permintaan sumber bekalan sayur segar di kawasan ini.

Jumlah pendapatan hasil tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang ditanam di Bukit Larut turut mengalami turun dan naik pengeluarannya disebabkan oleh cabaran cuaca yang tidak menentu di Bukit Larut seperti yang dapat dilihat berdasarkan jadual 6 di bawah, walau bagaimanapun data yang didapati tidak meliputi keseluruhan tahun semasa pemerintahan kolonial British. Hal ini kerana hasil ekonomi Bukit Larut tidak dicatatkan secara konsisten setiap tahun.

Jadual 6: Jumlah Pendapatan Sektor Pertanian Sayuran

Tahun	Pengeluaran Sayuran	Pendapatan Sayuran
1903	-	$1,484.84
1904	-	$1,703.41
1905	-	$2,087.20
1907	-	$952.92
1923	-	Pengeluaran sayuran meningkat sebanyak $677 berbanding tahun lepas
1924	-	Pengeluaran sayuran menurun disebabkan gangguan cuaca sepanjang tahun
1927	-	$3,046
1928	-	$5,133
1929	-	$5,159
1934	-	Jualan sayuran kurang dari tahun 1933 sebanyak $50
1936	-	Hasil pendapatan sayuran tidak dapat diperolehi kerana kesemua buruh lelaki bekerja dalam membaikpulih kerosakan akibat ribut pada tahun 1935
1939	8,619 pounds (keseluruhan berat sayuran yang dijual)	-
1947	-	$1,197.92
1948	-	$4,193.58

Sumber: Supplement to the FMS Government Gazette 1906,1909, 1923, 1924, 1927, 1928, 1929 & 1934; FMS Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the year 1934,1936 & 1939;Federation of Malaya Annual Report of the Social and Economic Progress of the People of Perak 1948.

Data dalam Jadual 6 menunjukkan hasil kutipan pertanian dari tahun 1903 hingga tahun 1948. Berdasarkan data tersebut, hasil kutipan pertanian mengalami peningkatan dan penurunan. Peningkatan dalam hasil kutipan tersebut adalah disebabkan oleh beberapa faktor seperti keadaan cuaca yang baik berdasarkan purata taburan hujan setahun,[36] amalan perladangan yang sistematik dan peningkatan permintaan untuk produk pertanian. Hasil kutipan pertanian tersebut menunjukkan peningkatan yang perlahan bagi tempoh-tempoh yang dinyatakan. Walau bagaimanapun, pada tahun 1947, berlaku kerugian terhadap sektor tersebut. Meskipun jumlah pendapatan meningkat sebanyak $6,607.10 namun jumlah pendapatan kutipan pertanian telah menurun sebanyak $952.92.[34] Kerugian yang berlaku tersebut disebabkan kebanyakan tenaga kerja buruh telah dipindahkan ke bahagian pemulihan dan pembinaan jalan raya.[37] Hal ini sebelumnya turut berlaku pada tahun 1908, yang merekodkan sektor pertanian mengalami penurunan pendapatan kerana berlakunya aktiviti pembersihan tapak Federal Bungalow.[38]

Penurunan hasil daripada pendapatan pertanian ini dilihat sebagai antara cabaran yang perlu dihadapi di Bukit Larut. Penurunan hasil ini dikaitkan dengan keadaan cuaca yang melibatkan hujan lebat pada tahun 1907[39] dan ribut taufan pada tahun 1914 sehingga memberi kesan negatif kepada pengeluaran hasil pertanian.[40] Hujan lebat yang melebihi jumlah taburan hujan pada tahun sebelumnya dapat dikaitkan dengan penurunan kualiti pertumbuhan pertanian seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7 di bawah.

Jadual 7: Jumlah Taburan Hujan

Tahun	Jumlah Taburan Hujan (Inci)
1897	210 (Maxwell's Hill)
1905	197 (Maxwell's Hill)
1908	297 (The Cottage)
	228 (Maxwell's Hill)
1909	240.55 (The Cottage)
	181.47 (Maxwell's Hill)
1912	216.76 (The Cottage)
	188.67(Maxwell's Hill)
1913	244.40 (The Cottage)
	223.49 (Maxwell's Hill)
1915	254.83 (The Cottage)
	245.74 (Maxwell's Hill)
1918	310.01(The Cottage)
	249.26 (Maxwell's Hill)

1923	276.41(The Cottage)
	169.89 (Maxwell's Hill)
1924	272.30(The Cottage)
	219.15 (Maxwell's Hill)
1926	209.61 (The Cottage)
	190.38 (Maxwell's Hill)
1932	231.36 (Maxwell's Hill)
1933	193.69 (Maxwell's Hill)
1934	232.82 (Maxwell's Hill)
1935	202.62 (Maxwell's Hill)
1936	188.95 (Maxwell's Hill)
1937	186.19 (Maxwell's Hill)
1948	191.15 (Maxwell's Hill)

Sumber: Annual Report on the Government Gardens for the Year 1898; Federated Malay States Annual Report for 1905, 1906, 1907 1908, 1909, 1910; Supplement to the FMS Government Gazette 1912, 1914, 1916, 1919, 1924, 1927 & 1934; FMS Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the year 1934; 1935, 1936, 1937,; Federation of Malaya Annual Report of the Social and Economic Progress of the People of Perak 1948.

Berdasarkan Jadual 7, jelaslah bahawa keadaan iklim dan cuaca di Bukit Larut yang tidak menentu menjadi punca kepada kerosakan yang berlaku terhadap tanaman sayuran. Di sebalik cabaran ini, sektor pertanian di Bukit Larut tetap menjadi bahagian yang penting dalam menjana ekonomi tempatan sekaligus menyumbang kepada pembangunan stesen bukit. Usaha untuk meningkatkan lagi pengeluaran pertanian di kawasan Bukit Larut adalah bukti perjuangan yang memerlukan ketabahan para petani dan komitmen pihak kerajaan untuk memajukan sektor pertanian. Walaupun terpaksa mengatasi pelbagai cabaran, sektor pertanian di Bukit Larut masih mampu untuk menghasilkan pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan sebagai bekalan makanan untuk masyarakat. Hasil daripada sektor pertanian tersebut bukan sahaja dapat dinikmati oleh penduduk yang menetap di Bukit Larut, malah hasil pertanian tersebut turut diedarkan ke kawasan bandar seperti di pekan Taiping.[41] Pengagihan hasil pertanian dari Bukit Larut ke kawasan bandar adalah sangat penting untuk menjamin kelangsungan dan kesejahteraan hidup. Buktinya, pengagihan hasil pertanian tersebut dapat membantu memastikan penduduk di kawasan bandar mendapat akses kepada sayur-sayuran dan buah-buahan segar dan berkualiti tinggi. Selain itu, hasil pertanian tersebut juga dapat menjadi sumber pendapatan Bukit Larut.

Sektor Pertanian Jenis Tanaman Dekorasi

Tanaman hiasan adalah tumbuhan yang ditanam berdasarkan nilai estetikanya dan bukan kerana kepentingannya dalam diet pemakanan. Tanaman ini bertujuan untuk menambah keindahan pada landskap dan boleh digunakan untuk pelbagai tujuan, seperti bunga potong, gubahan segar dan gubahan kering. Selain itu, taman bunga adalah tarikan popular untuk pengunjung, dan ia membantu mewujudkan suasana yang indah dan menarik untuk penduduk dan pelancong. Tanaman hiasan yang dijual turut menyumbang kepada ekonomi Bukit Larut dan meningkatkan keindahan pemandangan

persekitaran. Walaupun terdapat banyak jenis bunga yang ditanam di Bukit Larut namun hanya dua jenis sahaja iaitu bunga ros dan bunga violet yang direkodkan sebagai tanaman komersial.

Bukit Larut merupakan antara lokasi yang mempunyai tanaman hiasan yang cantik terutamanya di kawasan taman yang dihiasi dengan bunga ros dan bunga-bunga lain. Salah seorang individu yang memainkan peranan dalam pembangunan pertanian dekorasi ini adalah Leonard Wray yang merupakan *Superintendent* pertama Bukit Larut.[42] Wray telah mendedikasikan hidupnya untuk melakukan eksperimen dan uji kaji yang melibatkan pelbagai jenis bunga Eropah, antaranya seperti *begonia* dan *gloxinias* yang diterima daripada Mr. Bull yang merupakan individu yang berkhidmat di Chelsea Physic Garden.[43] Selain itu, penglibatan individu lain seperti Mr. J. W. Campbell, bekas pekerja Royal Botanic Gardens, Kew turut memberikan sumbangan besar dalam bidang hortikultur sepanjang perkhidmatannya.[44] Penglibatan Campbell di dalam pembangunan sektor ekonomi Bukit Larut ini dapat dibuktikan dengan rekod yang mencatatkan peningkatan pendapatan kawasan tersebut.[45] Disebabkan kepakaran dan minat yang mendalam terhadap tanaman hiasan telah menyumbang kepada perkembangan dan keindahan landskap Bukit Larut secara signifikan. Penglibatan daripada individu-individu tersebut bukan sahaja mencerminkan komitmen yang tinggi dalam memajukan sektor tanaman hiasan di kawasan ini malah turut menjadi asas dalam mentransformasikan Bukit Larut sebagai sebuah destinasi yang terkenal dengan keindahan flora dan tarikan hortikulturnya. Perkara ini dapat dilihat melalui eksperimen, pengenalan spesies baharu dan penjagaan yang rapi telah mewujudkan persekitaran yang mampu menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan pelancongan di Bukit Larut.

Penanaman tanaman dekorasi ini dilihat sebagai salah satu cara untuk meningkatkan tahap keseronokan sekaligus menjadi daya penarik kepada para pengunjung untuk datang ke Bukit Larut. Penanaman bunga *colens thyroiditis* and *salvia zurich* merupakan bunga yang popular disebabkan keindahannya di Bukit Larut.[46] Selain itu, terdapat juga tanaman hiasan yang diimport dari Jepun, seperti pokok ceri, pic, *maple*, *wisteria* dan *clematis* yang turut menjadi tarikan bagi stesen Bukit Larut.[47] Di samping itu, terdapat juga tanaman dekorasi yang subur pada musim hujan. Beberapa bunga yang boleh bertahan pada musim tersebut seperti bunga ros, *cannes*, *amaryllis, dahlias, begonias* dan violets. Manakala bunga yang ditanam di kawasan terlindung adalah seperti *fuchsias, tulurous* dan *foliage begonias, gloxinias, petunias,* serta *geraniums* dan *verbenas*, bunga-bunga ini tumbuh mekar pada setiap tahun semasa cuaca cerah.[48] Bunga-bunga lain yang hidup subur di Bukit Larut termasuklah bunga *Montbretia*, *gloriosa*, *lonicera* dan *morning glory*.[49] Keindahan tanaman dekorasi ini turut dapat ditunjukkan dengan adanya bunga *gladioli*, *heliotrope*, *salvias*, *tuschias* dan bunga *narcissi*, *daffodils* dan *hyacinths* dikatakan memberikan suasana seperti di tanah air mereka ketika perayaan Krismas apabila ia tumbuh subur di Bukit Larut.[50] Selain itu, menurut laporan akhbar *The Straits Times* terdapat juga bunga seperti *cornflower*, *zinnias*, dahlia, *marguerites*, violet, *honeysuckle* dan *goldenrod* serta bunga ros yang ditanam sejak 20 tahun lalu masih lagi cantik dan mengeluarkan bunga.[51] Kepelbagaian bunga yang terdapat di Bukit Larut membuktikan bahawa iklim dan keadaan persekitaran adalah sesuai untuk menanam tanaman hiasan di kawasan ini. Malah kewujudan tanaman dekorasi ini telah menambahkan lagi keindahan stesen bukit itu dan ia menjadi tarikan popular untuk pengunjung.

Penanaman tanaman dekorasi di Bukit Larut memberikan faedah terhadap ekonomi. Bunga-bunga itu dijual kepada pengunjung dan digunakan sebagai produk untuk dijadikan hiasan hotel dan perniagaan lain di stesen bukit. Bunga ros merupakan produk yang banyak dikomersialkan di Bukit Larut. Perkara ini dinyatakan dalam laporan *Federated Malay States Government Gazette 1913* yang menjelaskan bahawa tanaman ini merupakan sumber yang eksklusif kepada banglo di Bukit Larut yang turut dihantar keluar dari stesen bukit itu.[52] Laporan *Supplements to the Perak Government Gazette 1908* menyatakan bahawa terdapat 539 set bunga ros telah dijual, 2,999 yang dihantar keluar daripada

stesen bukit ini dan 2,460 set dibekalkan secara percuma. Jumlah set bunga ros yang dibekalkan dari Maxwell Hill pada tahun 1908 menunjukkan angka yang besar kerana satu set bunga ros mempunyai lebih daripada 30 kuntum bunga ros. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat permintaan yang tinggi terhadap bunga ros daripada pengunjung Bukit Larut dan kawasan luar Bukit Larut terutamanya di kawasan bandar Taiping.[53] Buktinya, bilangan pengeluaran bunga ros ini telah meningkat sebanyak 10,000 set dan dihantar keluar dari Bukit Larut.[54]Tambahan lagi, berdasarkan *Supplements to the Perak Government Gazette 1909*, terdapat sebanyak 3,493 set bunga ros yang telah dihantar dari kawasan ini dan sebanyak 2,859 set telah dibekalkan secara percuma untuk tujuan dekorasi penginapan, manakala baki 539 set bunga ros telah dijual.[55] Penanaman bunga ros telah menunjukkan bahawa aktiviti pertanian tersebut telah mendapat perhatian daripada pihak kolonial. Selain itu, pembukaan batas baharu sekaligus menunjukkan komited pihak kerajaan terhadap pembangunannya dan menjaga kepentingan ekonomi sektor tersebut.[56] Perkara ini adalah untuk memastikan bekalan bunga ros tersebut mencukupi dan selaras dengan permintaannya. Hal ini berlaku kerana bunga ros merupakan tanaman yang paling sesuai untuk ditanam di kawasan lapang. Bersama dengan tanaman dekorasi lain seperti *salvia zurich*, *salira splendens var. zurich*, *coleus thyrsoideus*, *phlox drummondii*, *streptoson jamesonii*, *hippeastrums* dan beberapa lagi bunga Inggeris.[57] Nilai keseluruhan pendapatan daripada tanaman dekorasi ini tidak dapat diperolehi sepenuhnya. Namun begitu, terdapat beberapa rekod yang menyatakan jumlah pemerolehan daripada sektor ini secara khusus seperti jadual 8 di bawah.

Jadual 8: Pengeluaran dan Pendapatan Tanaman Dekorasi

Tahun	Pengeluaran Tanaman Dekorasi	Pendapatan Tanaman Dekorasi
1908	Ros: 3,000 dipetik ● 2,999 dihantar keluar dari Bukit Larut ● 2,460 (bunches) bekalan percuma ● 539 dijual	-
1909	Ros: Lebih 10,000 dipetik ● Lebih 300 diagihkan ● 3,493 (bunches) dibawa keluar ● 2,859 bekalan percuma ● 634 dijual	$83.75 (Bunga ros)
1911	Ros: 3,510 (bunches) dikumpulkan	-
1912	Ros: 6,930 (bunches)	-
1923	Ros: 5,156 bakul dibawa keluar Bukit Larut	-
1924	-	Pengeluaran menurun disebabkan gangguan cuaca sepanjang tahun
1926	-	$3,013
1927	-	$2,208
1928	-	$2,745
1929	-	$2,543

1933	-	$2,216
1934	-	$1,684
1935	-	$2,242.93
1938	-	$1,351.64
1939	-	$1,934.39
1947	-	$1,047.84
1948	-	$436.11
1952	-	$2,438.54

Sumber: Federated Malay States Annual Report for 1908 & 1909; Supplement to the FMS Government Gazette 1912, 1924, 1927, 1929, 1930 & 1934; FMS Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the year 1934, 1935 1938, 1939, Federation of Malaya Annual Report of the Social and Economic Progress of the People of Perak 1948; Minutes of Meeting of the Hill Gardens Committee 13th March 1952 (1952-53 Hill Garden 1364-1952).

Terdapat juga percubaan untuk menanam bunga ros variasi lain dari England, namun spesis bunga tersebut gagal tumbuh dengan baik di Bukit Larut. Hal ini kerana, iklim dan keadaan di stesen bukit itu tidak sesuai untuk semua jenis bunga ros. Walau bagaimanapun, kerajaan terus bereksperimen dengan pelbagai jenis bunga ros, hal ini menjadi bukti yang kukuh bahawa kerajaan komited untuk membangunkan sektor penanaman bunga ros.[58] Kepentingan dalam sektor ekonomi pertanian bunga ini turut diperlihatkan dengan usaha yang dilakukan oleh pihak pengurusan dengan membuka batas-batas baru bagi pertanian bunga ros ini. Secara tepatnya, lokasi penanaman bunga ros banyak didapati di kawasan banglo *The Cottage*, *The Box* dan *Maxwell Hills Bungalow*.[59] Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan keadaan sekitar banglo *The Box* atau Sri Kayangan yang merupakan salah satu tempat yang luas dihiasi dengan bunga ros iaitu berkeluasan kira-kira 1.5 ekar.[60]

Bagi mempertingkatkan hasil pengeluarkan bunga ros, pihak pengurusan telah memperkenalkan beberapa teknik terbaharu. Misalnya penggunaan baja, seperti *Bone Meal* telah dihasilkan untuk meningkatkan pertumbuhan tanaman hiasan terutamanya bunga ros. Penghasilan baja ini merupakan teknik pertanian terkini kerajaan untuk membangunkan sektor tanaman hiasan. Hal ini bertujuan untuk memastikan tanaman dekorasi ini dapat tumbuh subur dan mekar setiap tahun.[61] Secara keseluruhannya, sektor tanaman dekorasi, khususnya penanaman bunga ros, merupakan bahagian penting dalam ekonomi Bukit Larut. Sektor ini tidak hanya berfungsi untuk menarik para pengunjung untuk datang menikmati keindahan landskapnya malah turut menyumbang kepada penjanaan pendapatan kerajaan dan meningkatkan ekonomi tempatan dengan menyediakan pekerjaan dan menyokong perniagaan tempatan.

Selain bunga ros, terdapat juga tanaman dekorasi lain yang memberikan pendapatan kepada Bukit Larut misalnya bunga violet. Buktinya, berdasarkan laporan *Supplements to the Perak Government Gazette 1908 dan 1909,* terdapat 508 gubahan bunga dan 632 ½ set bunga violet telah dijual pada tahun 1909. Keadaan ini menunjukkan bahawa terdapat permintaan yang banyak terhadap bunga ini daripada pengunjung Bukit Larut.[62] Sepertimana yang dilakukan untuk tanaman bunga ros, bunga violet juga mendapat perhatian daripada pihak pengurusan stesen Bukit Larut, apabila pembukaan batas pertanian baharu yang khusus bagi tanaman ini di banglo "The Box".[63] Bunga violet ini bukan sahaja mendapat permintaan di kawasan Bukit Larut sahaja, tetapi bunga violet ini turut mendapat permintaan di luar kawasan Bukit Larut. Hal ini dapat dibuktikan melalui laporan jabatan pertanian yang menyatakan kutipan bunga violet ini telah dibawa keluar dari Bukit Larut. Pada 1911 misalnya, terdapat 351 (jambak) telah dibawa keluar dan meningkat pada 1912 iaitu sebanyak 599

(jambak) telah dibawa keluar dari Bukit Larut.[64]-

Berdasarkan perbincangan di atas, jelaslah bahawa sektor tanaman hiasan, khususnya penanaman bunga ros dan violet yang merupakan bahagian penting tanaman dekorasi dalam aktiviti ekonomi di Bukit Larut. Sektor ini bukan sahaja mempengaruhi landskap di Bukit Larut, tetapi juga memberi impak terhadap jumlah pemerolehan Bukit Larut dengan hasil pengeluarannya yang tidak hanya digunakan untuk kegunaan stesen bukit ini seperti di banglo dan rumah rehat malah turut dibawa keluar dari stesen bukit ini bagi tujuan komersial.

Sektor Penternakan dan Industri Tenusu

Sektor penternakan dan tenusu di Bukit Larut memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi dan sosial di kawasan tersebut terutamanya pada zaman kolonial British. Kedudukan tanah tinggi yang beriklim sejuk menjadikannya persekitaran yang ideal untuk kegiatan penternakan lembu tenusu. Hal ini demikian kerana kedudukan geografi dan iklim di kawasan ini merupakan suasana yang sesuai untuk penghasilan dan pengembangan sektor tenusu. Industri tenusu di Bukit Larut bermula sebagai usaha untuk memenuhi keperluan masyarakat Eropah yang menetap di stesen bukit tersebut. Mereka memerlukan bekalan susu segar dan produk tenusu yang serupa dengan apa yang dinikmati di tanah air mereka. Selain memenuhi keperluan tempatan, produk tenusu ini juga menjadi sumber pendapatan penting melalui jualan kepada penduduk tempatan dan kawasan berhampiran seperti bandar Taiping. Sektor ekonomi penternakan lembu tenusu dikembangkan sehingga mampu mengeluarkan produk tenusu dan mentega. Kejayaan industri ini pada era kolonial telah memberikan cerminan bahawa adaptasi persekitaran dan permintaan pasaran telah mencipta peluang ekonomi di Bukit Larut.

Sektor penternakan dan industri tenusu ini telah berupaya dikembangkan dengan usaha kerajaan dengan mengimport lembu dari Australia dan India. Mohd Zamberi A. Malek menyatakan bahawa lembu-lembu ini dipelihara bagi mendapatkan sumber seperti susu dan daging.[65] Usaha untuk meningkatkan hasil tenusu dilakukan dengan mengimport baka baharu dari dari Australia, bagi menggantikan baka lembu dari India yang telah diusahakan sejak tahun 1897.[66] Hal ini menunjukan kerajaan mengiktiraf kepentingan sektor ternakan dan sanggup melabur untuk tujuan pembangunan dalam konteks mempertingkatkan kualiti dan hasil produk. Selain itu, sebuah kandang baharu telah dibuka di lokasi *Tea Garden* oleh Jabatan Kerja Raya pada tahun 1905.[67] Bagi menambah baik sektor penternakan ini cadangan tender juga telah dibuka pada 31 Mac 1893 sehingga 8 April 1893, bagi membangunkan kandang lembu dan *coolie lines* di Bukit Larut.[68]

Pihak pengurusan turut komited untuk memastikan lembu yang diternak mendapat akses kepada makanan yang sesuai dan berkhasiat untuk dikonsumsi oleh haiwan tersebut supaya dapat meningkatkan kualiti daging dan tenusu dengan lebih baik. Oleh itu, mereka telah membuat percubaan penanaman rumput yang sesuai di Bukit Larut untuk diberikan kepada ternakan lembu dan hasilnya rumput jenis "Guinea grass" berjaya tumbuh di kawasan Bukit Larut.[69] Selain itu, terdapat eksperimen untuk menggabungkan rumput yang berbeza di kawasan yang menempatkan sebanyak sembilan plot di kawasan banglo Maxwell dan Tea Garden sebagai padang rumput bagi ternakan lembu.[70] Walau bagaimanapun, satu plot rumput Inggeris percubaan telah mengalami kegagalan pada tahun 1907.[71] Namun, kegagalan tersebut tidak menghentikan usaha kerajaan kerana eksperimen ini diteruskan sehingga tahun 1910. Bukan itu sahaja, usaha pihak pengurusan juga dapat dilihat dengan penambahbaikan yang dilakukan bagi kandang lembu Bukit Larut. Hal ini dibuktikan pada tahun 1936 kerajaan telah memberi peruntukan perbelanjaan sebanyak $3,000 bagi menambah baik keadaan kadang yang telah rosak.[72]

Usaha yang dilakukan oleh pihak pengurusan ladang ini telah memberi pulangan yang baik apabila harga jualan bagi seekor lembu di Bukit Larut dianggap bernilai tinggi pada ketika itu. Buktinya, pengurusan bagi penjualan haiwan ternakan ini dapat dilihat dengan merujuk minit mesyuarat ahli jawatankuasa Hill Garden pada tahun 1952 yang menyatakan bahawa harga jualan yang sesuai untuk diletakkan bagi seekor lembu ini adalah sekitar $500 sehingga $600.[73] Hal ini demikian kerana, berdasarkan rekod jualan yang dipaparkan sebelum tahun tersebut didapati bahawa harga jualan bagi anak lembu dilihat lebih murah. Pendapatan dari sektor ternakan ini hanya dilaporkan jualan lembu sahaja dan data yang dilaporkan hanya sehingga 1948 sahaja. Data bagi binatang ternakan ini sehingga tahun 1948 dapat ditunjukkan melalui Jadual 9 di bawah.

Jadual 9: Rekod Ternakan Lembu di Bukit Larut

Tahun	
1898	● Tiada lembu dijual
1908	● Jumlah jualan lembu $135.00 ● 2 lembu baka India dan 5 anak lembu dijual pada Mac ● 10 anak lembu dilahirkan (4 baka India, 3 lembu kacukan baka Australia dan 3 baka asli Australia)
1909	● Jumlah jualan lembu $159.00 ● 9 ekor anak lembu dilahirkan (2 baka Australia, 6 kacukan dan 1 baka India) ● Seekor lembu Australia mati
1918	● 25 ekor binatang ternakan ● 9 ekor dijual (lembu muda $36) ● 2 ekor lembu heifer mati
1935	● 5 ekor lembu betina dan 5 lembu jantan dilahirkan
1936	● 5 ekor lembu betina dan 8 ekor lembu jantan dilahirkan
1937	● Keseluruhan 35 ekor lembu berada dalam keadaan sihat ● Seekor lembu jantan Friesian dibeli daripada Major Doyle di Cameron Highlands untuk harga $25 ● 5 lembu jantan and 2 ekor lembu betina dilahirkan
1948	● 4 ekor lembu jenis Jersey Heifers & 1 ekor lembu jantan diimport dari Australia ● 1 ekor lembu betina mati, 1 ekor lembu dilahirkan

Sumber: Federation of Malaya Annual Report of the Social and Economic Progress of the People of Perak For Period 1st January to 31st December 1948; F.M.S. Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the Year 1936,1937,1935; Supplement to the F.M.S. Govenment Gazette 1919, 1910, 1909; Perak Government Gazette 1898.

Jadual 9 diperoleh daripada rujukan laporan kerajaan dan didapati perincian berkaitan binatang ternakan ini dinyatakan secara ringkas. Meskipun demikian, dapat ditunjukkan bahawa wujudnya kegiatan penjualan binatang ternak ini dengan terperinci, namun hanya dilaporkan pada tahun 1908, 1909 dan 1918 sahaja. Manakala catatan berkenaan bilangan kelahiran dan kematian turut diperolehi misalnya bagi tahun 1908, 1909, 1935, 1937 dan 1948. Laporan ini turut menunjukkan bahawa wujudnya hubungan dua hala bukan sahaja pada peringkat antarabangsa bagi tujuan pengimportan ternakan ini tetapi ianya juga melibatkan hubungan pembelian dari stesen bukit lain khususnya Cameron Highlands terutamanya pada tahun 1937.

Penjualan lembu turut dilaporkan dalam akhbar *Pinang Gazette dan Straits Chronicle*, yang memaparkan iklan penjualan binatang ternakan ini di dalam lelongan awam di bandar Taiping pada 15 November 1934. Antara lembu yang dijual adalah seekor lembu betina jenis *Friesian*, seekor lembu jantan baka *Montgomery*, 4 ekor anak lembu baka campuran *Montgomery* berusia 17 bulan dan 2 ekor lembu baka campuran *Montgomery* berusia 12 hingga 14 bulan.[74] Secara keseluruhannya, keadaan ini menunjukkan bahawa sektor ternakan merupakan bahagian penting dalam ekonomi Bukit Larut. Sektor ini menjana pendapatan kerajaan selain daripada memainkan peranan dalam menyediakan makanan kepada masyarakat setempat. Meskipun tidak memberikan impak yang besar dari segi penjualan daging ternak, namun kegiatan penternakan ini turut membantu menggerakan ekonomi Bukit Larut.

Selain penjualan lembu, sektor penternakan ini turut menghasilkan produk tenusu yang berkembang pesat dan menjadi bahagian penting dalam menaikkan ekonomi di Bukit Larut. Baka Australia, misalnya lembu *Friesian*, merupakan sumber bekalan untuk produk tenusu seperti susu dan krim.[75] Perkara ini dinyatakan dalam rekod *Maxwell Sonatorium Hill* yang menyatakan bahawa susu segar dan krim dibekalkan kepada pengunjung yang menginap di banglo dan rumah rehat hasil daripada lembu yang diternak di stesen bukit ini.[76] Sektor tenusu menghasilkan susu dan mentega, yang dijual kepada pengunjung Bukit Larut turut dijual ke bandar Taiping.[77] Hal ini dapat dibuktikan berdasarkan rekod *1952-1953 Hill Gardens Committee Taiping 1364/1952* yang melaporkan arahan daripada S*uperintendent* Bukit Larut untuk memindahkan dan menjual hasil produk tenusu (susu) ke bandar Taiping.[78] Permintaan susu yang tinggi membawa kepada penambahan lembu betina untuk baka Australia iaitu *Friesian* dan *Jersey* bagi menghasilkan sumber tenusu yang lebih banyak dan berkualiti terutamanya bagi produk seperti susu segar dan mentega di Bukit Larut.[79] Hasil pengeluaran susu turut dibuktikan dalam *Perak Government Gazette 1901* yang melaporkan peningkatan jumlah bekalan susu dan mentega meningkat kira-kira 1,495 gelen.[80] Pada tahun 1908, pendapatan bagi susu adalah sebanyak $782.58 daripada keseluruhan pendapatan Bukit Larut yang mencatatkan nilai sebanyak $2,767.77.[81] Berdasarkan surat yang dihantar oleh Residen Perak kepada Residen Jeneral di Kuala Lumpur, jumlah pemerolehan bagi susu dan mentega adalah melebihi $800 pada tahun 1906 dan pada penghujung September 1907 telah menerima lebih daripada $700.[82] Dalam dokumen tersebut turut memperincikan dana bagi menambah lembu iaitu sebanyak $1,000 bagi meningkatkan pengeluaran baka tempatan. Manakala E. W. Birch (Residen Perak) turut mencadangkan agar diperuntukkan sebanyak $1,200 bagi menguruskan penjualan susu segar dari lembu baka Australia.[83] Penambahan peruntukan ini turut menyatakan jumlah bekalan mentega yang dihantar ke Taiping tentunya dapat ditingkatkan.

Seterusnya, laporan *Federated Malay States of Perak: Report on the Government Plantations for the Year 1908* melaporkan bahawa baka lembu Australia lebih produktif daripada baka lembu India.[84] Hal ini terbukti pada tahun 1906, apabila baka lembu Australia tersebut telah berjaya mencatatkan penghasilan sebanyak 1,064 botol susu sekaligus, penghasilan susu baka Australia lebih banyak daripada hasil susu daripada baka lembu India. Sektor penternakan dan industri tenusu semakin mencatatkan peningkatan pengeluaran yang memberangsangkan apabila bilangan pengeluaran sektor ini sekali lagi menunjukkan peningkatan pada tahun 1908 (8,613 botol) diikuti pada tahun 1909 (9,095 botol).[85] Pengeluaran susu ini mengalami penurunan dan peningkatan, sepertimana yang terdapat dalam Jadual 10.

Jadual 10: Jumlah Pengeluaran Susu Dalam Unit Botol

Tahun	Jumlah Pengeluaran Susu (Botol)
1907	8,539
1908	8,613
1909	9,095
1924	Pengeluaran susu meningkat sebanyak 5,421 botol daripada tahun lepas
1929	13,237
1930	10,237
1931	9,362
1932	9,958
1933	12,208
1934	10,788
1935	11,688
1936	11,399

Sumber: Federated Malay States Annual Report for 1905, 1906, 1908, 1909; Supplement to the FMS Government Gazette 1924, 1929, 1930, 1931, 1934; FMS Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak for the year 1934; 1935, 1936 & 1937.

Berdasarkan jadual 10, ia menunjukkan bahawa jumlah pengeluaran tertinggi bagi susu adalah sebanyak 13,237 botol (1929) diikuti dengan jumlah 12,208 botol (1933) dan ketiga tertinggi adalah sebanyak 11,688 botol (1935). Walaupun berdepan dengan kesukaran untuk memperolehi data ini bagi memaparkan jumlah pengeluaran setiap tahun secara terperinci, namun melalui data ini dapat dirumuskan bahawa produk ini tidak mengalami penurunan yang drastik, yang mana ianya berbeza dengan sektor pertanian yang dipengaruhi oleh keadaan cuaca dalam pemerolehan hasilnya. Peningkatan bagi pengeluaran hasil dalam sektor penternakan dan tenusu adalah disebabkan usaha pihak kerajaan dan pihak pengurusan yang sentiasa komited menjaga kepentingan sektor tersebut bagi memenuhi permintaan pengguna tempatan dan masyarakat Eropah. Fakta bahawa sektor ternakan dan industri tenusu di Bukit Larut turut memberi perkhidmatan kepada bandar Taiping apabila sektor ini turut memberi kesan terhadap ekonomi supaya menjadi lebih luas. Penjualan susu dan mentega dari Bukit Larut ke Taiping menjana pendapatan stesen bukit ini.

Bagaimanapun, sektor ternakan di Bukit Larut menghadapi beberapa cabaran yang memerlukan jalan penyelesaian. Sebagai contoh, terdapat wabak penyakit kaki dan mulut serta penyakit kutu (*Tick Borne Disease*) yang melanda di daerah Larut, Matang dan Kinta. Pada tahun 1930-an telah direkodkan terdapat dua ekor lembu betina baka Holstein yang dipindahkan dari Fraser's Hill menunjukkan simptom piroplasmosis.[86] Lembu import Australia juga dikatakan berisiko tinggi mendapat penyakit seperti piroplasmosis dan anaplasmosis yang disebarkan melalui kutu.[87] Walaupun menghadapi cabaran, sektor penternakan dan industri tenusu perlu diteruskan kerana peranannya yang penting dalam menjana ekonomi di Bukit Larut. Sektor ini menyediakan peluang pekerjaan sekaligus menyediakan sumber untuk kelangsungan pendapatan di Bukit Larut.

Secara keseluruhannya, sektor ternakan dan industri tenusu merupakan bahagian penting dalam ekonomi Bukit Larut. Hal ini demikian kerana, sektor ini menyumbang kepada penjanaan pendapatan bagi peladang, sekaligus berperanan dalam menyediakan bekalan makanan untuk masyarakat Eropah yang tinggal sementara dan melancong di Bukit Larut serta penduduk setempat

termasuk di Taiping.

Kesimpulan

Bukit Larut telah lama dibangunkan oleh pihak kolonial British sejak beberapa tahun selepas pertapakan mereka di Perak. Pada peringkat awal, Bukit Larut hanyalah berfungsi sebagai pusat sanatorium, dan kemudianya telah menjadi kawasan pelancongan yang dilengkapi dengan sektor pertanian tanaman baharu yang unik dan menjana ekonomi tempatan. Keadaan iklim yang sejuk dan tanah yang subur di kawasan ini telah menjadi faktor yang sesuai untuk menjadikan kawasan Bukit Larut sebagai kawasan penanaman pelbagai jenis tanaman baharu yang benihnya dibawa dari Eropah dan tidak dapat tumbuh di kawasan tanah rendah. Perkara ini dapat ditunjukkan dengan kepelbagaian tanaman baharu yang dibangunkan di stesen bukit ini misalnya dari pertanian jenis sayuran, buah-buahan sehinggalah tanaman dekorasi yang berkualiti tinggi. Bagaimanapun, potensi pertanian di Bukit Larut bukan sahaja terhad kepada tanaman. Dari segi sejarah, sektor penternakan khususnya industri tenusu turut memainkan peranan penting dalam ekonomi dan kehidupan sosial masyarakat setempat. Melalui usaha yang dilakukan oleh bahagian pengurusan terutamanya dari segi penyelidikan dan teknologi bagi dua sektor utama di stesen bukit ini, jelas memperlihatkan ianya telah menjadi pemacu dalam membangun dan memberi sumbangan yang besar ke atas stesen bukit ini. Kedua-dua sektor pertanian dan penternakan di Bukit Larut menghadapi cabaran yang sama, seperti perubahan iklim, persaingan daripada produk import, dan perubahan dalam pilihan pengguna. Namun begitu, cabaran ini dapat dihadapi oleh pihak yang terlibat sekaligus dapat menyumbang kepada pembangunan ekonomi di Bukit Larut.

Walaupun pembuktian berdasarkan data-data yang bersifat statistik tidak dapat dipersembahkan secara lengkap dan terperinci namun pernyataan yang terdapat dalam rekod para pegawai British merupakan fakta yang dapat memberikan gambaran dan petunjuk wujudnya perkembangan, kepentingan dan cabaran yang dihadapi bagi memastikan agar sektor pertanian dan penternakan, dapat terus beroperasi di Bukit Larut untuk kesejahteraan ekonomi dan masyarakat Eropah dan tempatan terutamanya di kawasan Bukit Larut dan Taiping. Jelaslah bahawa, kepelbagaian dari segi jenis tanaman dan penternakan lembu bukan sahaja bertujuan untuk memenuhi keperluan dan kehendak pengguna tetapi ia juga dapat mengurangkan kebergantungan terhadap produk yang tertentu yang sukar untuk diperolehi.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Universiti Pendidikan Sultan Idris. Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada hasil kajian penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) (FRGS/1/2022/SS108/UPSI/02/23).

Nota

[1] SEC: G. 58/1935: Rules for occupation of Maxwell's Hill Sanatorium, Taiping Hills SEL. ANM 1957/0284376.

[2] Katherine Sim. *Malayan Landscape*, Michael Joseph Ltd, London, 1946, hlm. 39.

[3] SEC: G. 58/1935: Rules for occupation of Maxwell's Hill Sanatorium, Taiping Hills SEL. ANM 1957/0284376.

[4] S.E. (PK.) 931-51: Police Post – Office Area – Maxwell's Hill Taiping. ANM 2006/0053420; Federation of Malaya (FOM) Annual Report Social and Economic Perak 1948.

[5] The State of Perak Annual Report 1884. ANM 2006/0053409.

[6] Pk. Sec. 2213/47: Draft Rules For the Occupation of Bungalows at Maxwell's Hill.
[7] Lease or Otherwise of the Cottage (PWD.462) Maxwell Hill for the purpose of Establishing V. H. F. Radio Station. ANM 1988/0007484.
[8] J. G. Butcher, *The British in Malaya 1880-1941: The Social History of a European Community in Colonial South East Asia*. Oxford University Press, 1979 , hlm. 73 & 160.
[9] Cattle Shed and Coolie Lines on Larut Hills, *Perak Government Gazette 1893*, hlm. 234.
[10] Maxwell's Hill Employees Co-op Shop Society - Co-Operation, P. No. 85/55.
[11] Report on the Government Plantations for the Year 1900, *Perak Government Gazette 1901*, hlm. 5.
[12] Report on the Government Plantations for the Year 1904, *Supplement to the Perak Government Gazette 1905*, hlm. 2.
[13] Perak Administration Report for the Year 1902, *Supplements to the Perak Government Gazette 1903*, hlm. 3, *Perak Administration For the Year 1900*, hlm. 119.
[14] Annual Report on the Government Plantations for the Year 1907, *Supplement to the Perak Government Gazette 1908*, hlm. 1.
[15] Report on the Government Plantations for The Year 1908, *Supplement to the Perak Government Gazette 1909*, hlm. 1.
[16] Khoo Kay Kim, *Taiping Ibu Kota Perak,* Persatuan Muzium Malaysia, Kuala Lumpur. 1981, hlm. 44.
[17] "Many Holidaying on Maxwell Hill," *Sunday Standard*, 1945.
[18] *Malaya-Borneo Exhibition 1922 Malayan Agriculture: Handbook Compiled by The Department of Agriculture F.M.S and S. S*, hlm. 46.
[19] Handbook of the Federated Malay States 1902, hlm. 24.
[20] Liew Suet Fun, Beguiled on the Larut Hills, 2022, hlm. 86.
[21] Report on the Government Plantation for the Year 1908, *Supplement to the Government Gazette 1909*, hlm. 2.
[22] Report on Government Gardens for the Year 1897, *Perak Government Gazette 1898*, hlm. 240.
[23] Ibid.
[24] Report on the Government Plantations For The Year 1908, *Supplements to the Perak Government Gazette 1909*, hlm. 2.
[25] Ibid, hlm. 3.
[26] Ibid.
[27] Report on the Government Plantation for the Year 1901, *Perak Government Gazette 1902*, hlm. 4.
[28] Ibid.
[29] Ibid.
[30] Loke Ho Thong, "Maxwell Hill go out for Holiday-makers," *The Straits Times* 21 March 1948.
[31] Report on the Government Plantation for the Year 1901, *Perak Government Gazette 1902*, hlm. 2-4.
[32] FMS Perak Administration Report for the year 1904, *Perak Administration Report for the year 1900*, hlm. 17.
[33] *Federated Malay States Annual Report 1908*, hlm. 73.
[34] Annual Report on the Government Plantations for the Year 1907, *Supplements to the Perak Government Gazette 1908*.
[35] 1952-53 Hill Garden Committee Taiping.
[36] Pk. Sec. 256/48 1A, Hill Gardens, Maxwell''s Hill Taiping – PK. Secretariat. 356/1948.
[37] Ibid
[38] Perak Administration Report 1908, *Supplement to the Perak Government Gazette 1909*, hlm. 28.
[39] Annual Report on the Government Plantations for the Year 1907, *Supplements to the Perak Government Gazette 1908*, hlm. 1.
[40] "Storm on Taiping Hill," *The Straits Times*, 8 October 14 June 1919.
[41] Pk. Sec. 256/48 1A, Hill Gardens, Maxwell''s Hill Taiping – PK. Secretariat. 356/1948.
[42] *Taiping Many First*, hlm. 113. ANM 959 511422 TAI.

[43] Jeyamalar Kathirithamby-Wells, *Nature and Nation: Forests and Development in Peninsular Malaysia,* NIAS Press, Denmark, 2005, hlm. 156.
[44] FMS Perak Administration Report for the year 1904, *Perak Administration Report for the year 1900*, hlm 17.
[45] *FMS Annual Report 1906*, hlm. 63. ANM 2006/0012991.
[46] Administration Report 1908, *Supplements to the Perak Government Gazette 1909*.
[47] FMS Perak Administration Report for the year 1904, *Perak Administration Report for the year 1900*, hlm. 17.
[48] Report on Government Gardens for the Year 1897, *Perak Government Gazette 1898*, hlm. 240.
[49] Katherine Sim, *Malayan Landscape*, hlm. 135.
[50] "Taiping Hill: A Visitor's Jottings", *Malaya Tribune,* 4 June 1919.
[51] "Maxwell Hill," *The Straits Times*, 18 June 1939.
[52] Supplement To The Fms Government Gazette 1913: Perak Administration Report 1912, *Federated Malay State Government Gazette Vol. V (Jan-Dec) For The Year 1913*, hlm. 10.
[53] 1952-53 Hill Garden Committee Taiping.
[54] Report on the Government Plantations Perak for the Year 1909, *Federated Malay States Government Gazette for the Year Jan-Dis 1910*, hlm. 17.
[55] Report on the Government Plantations for the Year 1908, *Supplements to the Perak Government Gazette 1909*, hlm. 2.
[56] Ibid.
[57] Ibid.
[58] Ibid.
[59] Annual Report on the Government Plantations for the Year 1907, *Supplements to the Perak Government Gazette 1908*, hlm. 2.
[60] Mohd Zamberi A. Malek, *Larut Daerah Terkaya*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 2001, hlm. 132, Khoo Kay Kim. 1981. Taiping Ibu Kota Perak, hlm.44.
[61] Annual Report on the Government Plantations for the Year 1907, *Supplements to the Perak Government Gazette 1908*, hlm. 1.
[62] Annual Report on the Government Plantations for the Year 1907, *Supplements to the Perak Government Gazette 1908*, hlm. 2; Report on the Government Plantations for the Year 1908, *Supplement to the Perak Government Gazette 1909*, hlm. 2.
[63] Report on the Government Plantations for the Year 1908, *Supplements to the Perak Government Gazette 1909*, hlm. 2.
[64] Perak Administration Report 1911, *Supplement to the F.M.S Government Gazette 1912*, hlm. 11; Government Plantations, *Federated Malay State Government Gazette Vol. V (Jan-Dec) For the Year 1913*, hlm 10-11.
[65] Mohd Zamberi A. Malek. *Larut Daerah Terkaya*, hlm. 13.
[66] Report on Government Gardens for the Year 1897, *Perak Government Gazette 1898*, hlm. 240.
[67] Report on the Government Plantations for the Year 1904, *Supplements to the Perak Government Gazette 1905*, hlm. 2.
[68] Cattle Shed and Coolie Lines on Larut Hills, *Perak Government Gazette 1893*, hlm. 234.
[69] Report on the Government Plantations for the Year 1908, *Supplements to the Perak Government Gazette 1909*, hlm. 3.
[70] Annual Report on the Government Plantations for the Year 1907, *Supplements to the Perak Government Gazette 1908*, hlm. 2.
[71] Report on the Government Plantations for the Year 1908, *Supplements to the Perak Government Gazette 1909*, hlm. 3.
[72] Yearly Report on Government Building – 1950. Larut & Matang.
[73] Minutes sent by 14 August 53, 1952-1953 Hill Gardens Committe Taiping.
[74] "Sale of Cattle From Maxwell's Hill Taiping," *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 12 November 1934.

[75] "Maxwell Hill," *The Straits Times*, 18 June 1939.
[76] Sel.Sec.G.58/1935 Rules for occupation of Maxwell's Hill Sanatorium, Taiping Hills.
[77] Ibid.
[78] 1952-1953 Hill Garden Committee Taiping.
[79] Maxwell's Hill Diary – Importation of Australian Cattle For the: (PK. Secretariat. 2291/1948); *Social and Economic Progress of the People of Perak Annual Report (FMS) 1937*, hlm. 119.
[80] Report on the Government Gardens for the Year 1900, *Perak Government Gazette 1901*, hlm. 6.
[81] Report on the Government Plantations for the Year 1908, *Supplements to the Perak Government Gazette 1909*, hlm. 83.
[82] Herd of Cattle on the Taiping Hill. Report by the Supt: Gov: Plantations $1000/- required for 1908.
[83] Ibid.
[84] Report on the Government Plantations for the Year 1908, *Supplement to the Government Gazette 1909*, hlm. 3.
[85] Report on the Government Plantations for the Year 1909, *CO574/2 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1910*, hlm. 19.
[86] Social and Economic Progress of the People of Perak Annual Report 1933, *CO574/70 Supplement to the F. M. S. Government Gazette 1934*, hlm. 5.
[87] Maxwell's Hill Diary – Importation of Australian Cattle For the - (Pk. Secretariat 2291/1948).

Rujukan

1952-1953 Hill Garden Committee Taiping 1364/1952. ANM 1967/0000399. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.
"Sale of Cattle From Maxwell's Hill Taiping," *Pinang Gazette and Straits Chronicle*, 12 November 1934.
"Maxwell Hill," *The Straits Times*, 18 June 1939.
"Maxwell Hills Ideals Holiday Resort," *Morning Tribune* 22 March 1948.
"Many Holidaying on Maxwell Hill." *Sunday Standard*, 1945.
"Orchid Growing Can Be Absorbing Hobby," *Sunday Standard*, 6 April 1952.
"Storm on Taiping Hill." *The Straits Times*, 8 October 14 June 1919.
"Taiping Hill: A Visitor's Jottings", *Malaya Tribune,* 4 June 1919.
Annual Report of the State of Perak. 1947. ANM 2006/0053419. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.
Butcher, J. G. 1979. *The British in Malaya 1880-1941: The Social History of a European Community in Colonial South-East Asia*. Oxford University Press.
CO574/2 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1910. ANM 2004/0012477. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur, Microfilm.
CO574/6 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1912. ANM 2004/0012481. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur, Microfilm.
CO574/8 Federated Malay State Government Gazette Vol. V (Jan-Dec) For the Year 1913. ANM 2004/0012483. National Archives. Kuala Lumpur, Microfilm.
CO574/11 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1914. ANM 2004/0012486. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur, Microfilm.
CO574/16 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1916. ANM 2004/0012491. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur, Microfilm.
CO574/23-24 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1919. ANM 2004/0012498. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur. Microfilm.

CO574/32-33 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1922. ANM 2004/0012504. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur, Microfilm.

CO574/38-39 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1924. ANM 2004/0012508. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur, Microfilm.

CO574/47-48 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1927. ANM 2004/0012514. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur, Microfilm.

CO574/50 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1928. ANM 2004/0012516. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur. Microfilm.

CO574/53 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1929. ANM 2004/0012519. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur, Microfilm.

CO574/59 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1931. ANM 2004/0012525. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur, Microfilm.

CO574/70 Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1934. ANM 2004/0012535. National Malaysia Archives, Kuala Lumpur. Microfilm.

F.M.S. Annual Report for 1905. ANM 2006/0012989. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

F.M.S Annual Report for 1908. ANM 2006/0012993. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

F.M.S. Annual Report for 1909. ANM 2006/0012994.Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Federated Malay States - Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak 1935. ANM 2006/0053414. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Federated Malay States - Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak 1936. ANM 2006/0053415. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Federated Malay States - Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak 1937. ANM 2006/0053416. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Federated Malay States - Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of Perak 1939. ANM 2006/0053417. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Federation of Malaya - Annual Report of the Social and Economic Progress of the People of Perak. ANM 2006/005340. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Handbook of the Federated Malay States 1902. Call Number DS592 Bel. Perpustakaan Utama Universiti Malaya.

Herd of Cattle on the Taiping Hill. Report by the Supt: Gov: Plantations $1000/- required for 1908. ANM 1957/0589843. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Hill Gardens, Maxwell''s Hill Taiping – (PK. Secretariat. 356/1948). ANM 1957/0308345. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Jeyamalar Kathirithamby. *Nature and Nation : Forest and Development in Peninsular Malaysia*. Denmark: Nordic Institute of Asian Studies, 2005.

Khoo, Kay Kim. *Taiping Ibu Kota Perak*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1981.

Khoo, Kay Kim. *Taiping The Vibrant Years*. Kuala Lumpur: OFA Desyne, 2003.

Loke, Ho Thong. "Maxwell Hill Go Out For Holiday-Makers." *The Straits Times,* 21 Mac 1948.

Majlis Perbandaran Taiping. (t.t.). *Taiping The Guide: Fascinating Taiping Town of Everlasting Peace*. Majlis Perbandaran Taiping.

Malaya-Borneo Exhibition 1922 Malayan Agriculture: Handbook Compiled by The Department of Agriculture F.M.S and S. S.

Maxwells' Hill – Taiping. (S. A. O. PK. 22/46). ANM 1980/000161. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Maxwell's Hill Diary – Importation of Australian Cattle For the - (Pk. Secretariat 2291/1948). ANM 1957/0308828. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Minutes of Meeting of the Hill Gardens Committee on 13th May 1952 in Hill Gardens 1364/1952. ANM 1967/0000399. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Mohd Zamberi A. Malek. *Larut Daerah Terkaya*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2001.

Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Perak, Laporan Ladang Kerajaan bagi Tahun 1908.

No. 3 in S.E.Pk. 458/50 - Lease or Otherwise of the Cottage (PWD.462) Maxwell Hill for the purpose of Establishing V. H. F. Radio Station. ANM 1988/0007484. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Perak Government Gazette 1898. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Perak Administration Report for the year 1900. ANM 2006/0053422. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Perak Government Gazette 1901. FMS Government Printing Office. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Pk. Secretariat. 2291/1948. 1948. Maxwell's Hill Diary – Importation of Australian Cattle For the -. ANM 1957/0308828. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Sel.Sec.G.58/1935 Rules for occupation of Maxwell's Hill Sanatorium, Taiping Hills. ANM 1957/0284376. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Sim, K. 1946. *Malayan Landscape.* London: Michael Joseph Ltd, 1946.

Social and Economic Progress of the People of Perak Annual Report 1939. ANM 2006/0053417. National Archives, Kuala Lumpur.

State of Perak, Annual Report 1947. ANM 2006/0053419. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1914 (August 28 1914).

Supplements to the Perak Government Gazette 1903 [various Reports] including Federated Malay States Annual Report for 1902. FMS Government Printing Office. Malaysia National Archives. Kuala Lumpur.

Supplements to the Perak Government Gazette Report for 1904. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Supplement to the Perak Government Gazette 1905. FMS Government Printing Office. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Supplement to the Perak Government Gazette 1906. FMS Government Printing Office. National Archives, Kuala Lumpur.

Supplements to the Government Gazette 1908. FMS Government Printing Office. National Archives, Kuala Lumpur.

Supplements to the Perak Government Gazette. 1909. ANM 2006/0053583. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Supplement to the F.M.S. Government Gazette 1930. ANM 2006/0012204. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.

Wright, A. & H. A. Cartwright. *Twentieth Century Impressions of British Malaya*. London: Llyod's Greater Britain Publishing Company Ltd, 1908.

Yearly Report on Government Building – 1950. Larut & Matang. 1950. ANM 1988/0007496. Malaysia National Archives, Kuala Lumpur.